

GROUP DEPARTURE 2026 – 2027 : 5 HARI 4 MALAM NORTHERN VIETNAM – HANOI, SAPA & MOUNT FANSIPAN (ALL IN – FULLBOARD HALAL)

NORTHERN VIETNAM

Vietnam Highlands: Vibrant cities and breathtaking mountain views.

Tour Code: S004

DOWNLOAD PDF ITINERARY

Hanoi, Sapa, dan Mt Fansipan adalah destinasi menarik yang menawarkan pengalaman unik. Mulakan perjalanan di Hanoi, ibu kota Vietnam yang kaya dengan sejarah dan budaya, dengan lawatan ke tempat bersejarah dan menikmati makanan tempatan yang terkenal. Seterusnya, nikmati kesejukan udara di Sapa yang dikelilingi oleh pemandangan alam yang menakjubkan, dengan sawah teres yang hijau. Akhir sekali, cabar diri anda untuk mendaki ke puncak Mt Fansipan, puncak tertinggi di Indochina, dan rasai pengalaman menakjubkan melihat pemandangan dari atas yang mengagumkan.



SENARAI HARGA:

TARIKH	HARGA SEORANG (RM)					SAIZ KUMPULAN (MIN)
	BERDUA/ BERTIGA	SINGLE SUPP	KANAK-KANAK DENGAN KATIL	KANAK-KANAK DENGAN KATIL TAMBAHAN	KANAK-KANAK TANPA KATIL	
2026						
1/10 - 5/10	2,990	500	2,990	2,850	2,700	15 - 20 pax
20/10 - 24/10	2,990	500	2,990	2,850	2,700	
26/11 - 30/11	3,190	500	3,190	3,050	2,890	
2027						
8/1 - 12/1	3,190	500	3,190	3,050	2,890	15 - 20 pax
26/1 - 30/1	3,190	500	3,190	3,050	2,890	
DISKAUN SENIOR CITIZEN (58 TAHUN & KEATAS) / LOYALTY - RM50/PAX				DISKAUN GROUP OF 3/4 - RM50/PAX		

PAKEJ TERMASUK:

Tiket penerbangan kelas ekonomi termasuk surcay, minyak dan cukai penerbangan.

Penginapan hotel 4 malam bertaraf 3* sepanjang lawatan termasuk cukai bandar (city taxes)

Kereta kabel (2 hala) dan keretapi (1 hala) ke puncak Fansipan

Perkhidmatan ketua rombongan dan pemandu pelancong yang professional.

Tip pemandu pelancong dan pemandu bas persiaran

Pengangkutan bas persiaran berhawa dingin yang selesa.

Kereta kabel dan keretapi ke puncak Fansipan

PAKEJ TAK TERMASUK:

Insurans perjalanan RM64/seorang (Etiqa Takaful / Platinum Plan / umur 70 tahun dan ke atas tertakluk kepada surcaj)

Surcaj tambahan ketika waktu perayaan, puncak dan cuti sekolah.

Servis tambahan di hotel seperti snek, mini bar, dobi dan porter.

Makan minum, tiket masuk lawatan dan tempat lawatan selain dari yang dinyatakan.

Bayaran tambahan lebihan had bagasi penerbangan.

Perkara lain yang tidak dinyatakan di dalam aturcara program dan pakej termasuk.

*Nota: Kadar tertakluk kepada perubahan tanpa notis awal sekiranya berlaku pengurangan bilangan peserta, turun naik mata wang serta sebarang surcaj bahan api yang dikenakan oleh syarikat penerbangan.

ATURCARA PERJALANAN

HARI 1: KUALA LUMPUR - HANOI (MM)

Berkumpul di KLIA untuk urusan daftar masuk sebelum menaiki penerbangan menuju ke Hanoi.

Setibanya di Hanoi, lawatan dimulakan dengan:

- Menikmati panorama sekitar pusat bandar Hanoi yang bersejarah, termasuk Opera House, Hoan Kiem Lake, The Huc Bridge dan Quan Chuong Gate.
- Mengunjungi Old Quarter (36 Ancient Streets), kawasan bersejarah yang terkenal dengan pelbagai hasil kraftangan tempatan. Setiap jalan mempunyai keistimewaan tersendiri dengan produk yang berbeza-beza.
- Membeli-belah di Dong Xuan Colorful Market. Ditubuhkan sejak tahun 1889, pasar tertutup terbesar di Hanoi ini mempunyai seni bina bercirikan Soviet dan menawarkan pelbagai barangan seperti buah-buahan segar, aksesori, pakaian, barangan elektronik serta keperluan rumah.
- Menunaikan solat di Al-Noor Mosque Hanoi, satu-satunya masjid yang terdapat di Hanoi.

Bermalam di Hanoi.

HARI 2 : HANOI - SAPA (SP/MT/MM)

Selepas sarapan, bertolak menuju ke Sapa.

Lawatan di Sapa termasuk:

- Alpine Coaster Sapa – Menikmati pengalaman meluncur melalui laluan pergunungan sambil menyaksikan keindahan alam semula jadi Sapa.

- Rainbow Slide – Mencuba gelongsor berwarna-warni yang menyeronokkan dengan latar pemandangan pergunungan.
- Mengunjungi Moana Cafe Sapa yang menawarkan panorama pergunungan yang menarik dan merupakan antara lokasi popular untuk bergambar.
- Masa bebas untuk bergambar dan menikmati suasana sekitar Sapa Square dan Sun Plaza.

Bermalam di Sapa.

HARI 3 : SUN WORLD FANSIPAN – MT. FANSIPAN – CAT CAT VILLAGE (SP/MT/MM)

Lawatan dimulakan dengan mengunjungi Mt. Fansipan, gunung terkenal di Vietnam.

- Mt. Fansipan berketinggian 3,143 meter dan merupakan puncak tertinggi di Indochina. Pendakian ke puncaknya biasanya mengambil masa sekitar 10 hingga 12 jam bagi pendaki berpengalaman. Kawasan ini turut mempunyai kepelbagaian flora dengan lebih daripada 1,600 spesies tumbuhan unik.
- Menaiki kereta kabel dua hala selama kira-kira 15 minit sebelum meneruskan perjalanan dengan kereta api untuk sampai ke puncak Mt. Fansipan.
- Mengunjungi Cat Cat Village, sebuah perkampungan tradisional yang telah wujud sejak abad ke-19 apabila masyarakat Hmong dan Red Dao mula berhijrah ke utara Vietnam. Di sini terdapat beberapa rumah pameran yang memaparkan warisan dan peninggalan budaya penting masyarakat etnik tempatan.
- Meneruskan lawatan untuk menikmati keindahan Cat Cat Waterfall.

Penutupan Cable Car dan Train Funikular Nov – Jan 2026

Sun World Fansipan Legend Cable Car akan menutup sementara operasi sistem kereta kabel dan kereta api funikular bagi tujuan penyelenggaraan serta penambahbaikan perkhidmatan dan pengalaman pengunjung.

Sepanjang tempoh tersebut, lawatan akan digantikan dengan:

- Glass Bridge Sapa – Jambatan kaca unik yang terletak di kawasan puncak Gunung O Quy Ho. Pengunjung berpeluang berjalan di atas lantai kaca jernih sambil menikmati panorama gunung dan lembah yang menakjubkan, memberikan pengalaman seolah-olah berjalan di atas awan.

**Penutupan adalah tertakluk kepada pengumuman Sun World Fansipan.*

HARI 4: SAPA - HANOI (SP/MT/MM)

Selepas sarapan, bertolak kembali ke Hanoi.

- Membeli-belah dan menikmati suasana di kawasan Old Quarter yang terletak berhampiran Ta Hien Street.

Bermalam di Hanoi.

HARI 5: HANOI - KUALA LUMPUR (SP)

Selepas sarapan, bertolak ke lapangan terbang untuk penerbangan pulang.

PENGINAPAN:

CITY	BILANGAN MALAM
Hanoi	2
Sapa	2

Jadual perjalanan di atas adalah sebagai panduan, mungkin berubah sedikit.

TERMA & SYARAT BERLAKU!

BUTIRAN PENERBANGAN: MALAYSIA AIRLINES (MH)

MH 752 KUL HAN 0940 1210

MH 753 HAN KUL 1300 1740

NON - REFUNDABLE DEPOSIT

RM1,000 / SEORANG

Sebarang pertanyaan tentang pakej hubungi :

Admin Office : 010-321 6357

Zawati : 019-2277 253

Saidatul : 011-2866 2548